

09 AUG 1997

Wanita-Sumber

RSC-AP BANTU 70 JUTA PENDUDUK MISKIN

SUNGAI PETANI, 9 Ogos (Bernama) -- Jawatankuasa Pemandu Serantau mengenai Kemajuan Wanita Luar Bandar Asia Pasifik (RSC-AP) perlu menggerakkan usaha bersama bagi menggembelngkan sumber dan bantuan teknikal untuk membantu kira-kira 70 juta penduduk termiskin di Asia.

Pengerusinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berkata ini merupakan cabaran terbesar bagi RSC-AP menjelang tahun 2005.

"Saya berharap anggota RSC-AP dapat melaksanakan program kredit atau kewangan di negara masing-masing bagi membantu golongan itu, kata beliau pada penutupan Bengkel Latihan Pengurusan Mikro Kewangan RSC-AP di sini hari ini.

Kira-kira 50 tokoh dari 16 negara Asia Pasifik menyertai bengkel selama lapan hari itu.

Beliau berkata, sekretariat RSC-AP di Malaysia bersedia menawarkan bantuan tambahan dengan menyediakan program latihan teknikal dan bantuan lain.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah beberapa kali melahirkan kesediaan Malaysia berkongsi kepakaran dan pengalaman terutama mengenai pembangunan luar bandar dengan negara lain di rantau ini dan dalam konteks Kerjasama Selatan-Selatan, kata beliau.

Dr Siti Hasmah berharap RSC-AP akan memperkukuhkan kerjasama dengan negara penderma dan institusi kewangan bagi menggembelngkan sumber untuk disalurkan kepada institusi mikro kewangan di negara anggota. -- BERNAMA

AD FAZ